

 Sabtu, Mac 31 2018

Cukai lebih baik lonjak hasil negara

BH 31/3

Jumlah hasil negara meningkat 3.8 peratus kepada RM220.4 bilion pada tahun lalu disokong oleh hasil cukai yang lebih baik selaras dengan peningkatan pematuhan cukai.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan semalam, berkata defisit fiskal negara juga dikurangkan secara konsisten daripada 6.7 peratus berbanding keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2009 kepada 3.0 peratus pada 2017.

Katanya, hasil kejayaan itu dicapai menerusi pelaksanaan Program Transformasi Fiskal (FTP) bagi terus mengukuhkan kedudukan kewangan negara.

"Program ini juga adalah bagi menyediakan ruang fiskal yang mencukupi untuk melaksanakan langkah kitaran balas (*counter-cyclical*) bagi menangani impak negatif daripada cabaran global.

"Dasar fiskal kekal menyokong langkah untuk meningkatkan daya tahan dan daya saing ekonomi negara, serta memastikan kesejahteraan rakyat dan penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti.

"Kerajaan terus komited me-

laksanakan langkah konsolidasi fiskal ke arah mencapai bajet hampir berimbang pada 2020," katanya.

Pelbagaikan sumber hasil

Kerajaan juga katanya, telah mempelbagaikan sumber hasil dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum di mana peratusan kepada jumlah hasil telah berkurang dengan ketara daripada 41.3 peratus pada 2009 kepada 15.7 peratus pada 2017.

Selain itu katanya, kerajaan telah membendung pertumbuhan perbelanjaan di mana jumlah perbelanjaan meningkat kecil sebanyak 4.1 peratus kepada RM262.6 bilion.

"Seterusnya, jumlah perbelanjaan sebagai peratusan kepada KDNK menunjukkan trend penurunan daripada 20.5 peratus pada 2016 kepada 19.4 peratus pada 2017 yang mencerminkan usaha berterusan meningkatkan kecekapan perbelanjaan.

"Sektor sosial yang merangkumi 38 peratus daripada jumlah perbelanjaan kekal sebagai penerima terbesar perum-

Fakta nombor

RM220.4

BILION

hasil negara
tahun lalu

RM686.8

BILION

hutang kerajaan
akhir tahun lalu

tukan terutamanya dalam subsektor pendidikan, latihan dan kesihatan.

"Sektor awam terus mengimbangi aktiviti sektor swasta dalam menjana pertumbuhan ekonomi melalui perbelanjaan pembangunan terutamanya projek infrastruktur dalam meningkatkan keupayaan dan keterangkuman ekonomi," katanya.

Tambahnya, kerajaan persekutuan terus membiayai perbelanjaan pembangunan menerusi pinjaman daripada pasaran domestik.

Pada akhir 2017, hutang kerajaan berjumlah RM686.8 bilion atau 50.8 peratus daripada KDNK, kekal di bawah had 55 peratus yang ditetapkan.

"Daripada jumlah ini, hutang dalam negeri kekal sebagai komponen terbesar meliputi 96.9 peratus, menghadkan pendanaan kepada risiko tukaran asing.

"Berikutan sasaran defisit fiskal lebih rendah pada 2018, paras hutang dijangka akan terus berkurang kepada sekitar 50 peratus daripada KDNK pada akhir 2018," katanya.